

Tawar kepakaran koperasi

Petaling Jaya: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) sedia bekerjasama dengan Mauritius dalam menawarkan kepakaran dalam bidang koperasi untuk membantu negara kepulauan berkenaan.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, hasrat itu dipersetujui selepas menerima kunjungan hormat dan perbincangan bersama Menteri Perniagaan, Perusahaan dan Koperasi Mauritius Soomilduth Bholah di Sunway Resort Hotel & Spa, di sini, semalam.

Pertemuan itu sempena Persidangan Global dan Mesyuarat Agung Persekutuan Koperasi Antarabangsa Kuala Lumpur 2017 (ICA KL 2017) dan Karnival Produk dan Perkhidmatan Koperasi Malaysia 2017 (MACCOPS 2017).

Mengulas lanjut, Abdul Fattah berkata, pihaknya bersedia membantu dari segi kepakaran dan khid-



ABDUL FATTAH (kiri) menunjukkan buku program International Co-Operative Alliance Global Conference and General Assembly pada sidang media, semalam.

mat nasihat kepada Mauritius yang akan memberi manfaat bersama.

“Tadi saya diberitahu, gerakan koperasi mereka yang berjumlah kira-kira 1,000 koperasi masih baru dan minta tunjuk ajar kita berdasarkan kebolehan serta kemajuan Angkasa dalam urusan perniagaan dan perdagangan.

“Melalui jalinan kerjasama ini, Mauritius akan

menghantar 12 pegawai mereka di Angkasa selama satu atau dua minggu untuk melihat peluang yang boleh dipelajari dan diterokai bersama,” katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Bholah sementara itu turut menyatakan keyakinan untuk bekerjasama dengan Angkasa susulan kebolehan agensi itu dalam pelaksanaan koperasi selain menjana pendapatan negara.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia